

1. 加上附加词 meN-...-i / meN-...-kan 的字含有以下的意思：

附加词	意思	例子
meN-...-i	<ul style="list-style-type: none"> 及地方的动词 及物的动词 	<ul style="list-style-type: none"> Pencuri memasuki rumah itu. Bapa menghadiah adik sebuah buku.
meN-...-kan	<ul style="list-style-type: none"> 使...成为 为别人做某件事情 	<ul style="list-style-type: none"> Pekerja sedang membesarkan bilik tamu. Kakak membelikan saya kuih.

2. a) 加上附加词 di-...-i / di-...-kan 的字意指“被做”。
例：dimarahi, dikeluarkan
- b) 加上附加词 di-...-kan 的字后面通常是介词 (kata sendi nama), 如：oleh, dari, dengan 和 untuk 等。
- c) 加上附加词 di-...-i 的字后面通常是名词 / 主语 / 主动者。



1. Kata kerja meN-...-kan dan meN-...-i dari segi kedudukan objek tepat dan objek sipi.

- Kedua-dua jenis imbuhan ini boleh digabungkan dengan kata dasar yang sama.
- meN-...-kan akan diikuti oleh objek **tidak bernyawa (benda)**
- imbuhan meN-...-i pula akan menerima 2 objek (objek tepat [objek bernyawa] dan objek sipi)

Contoh: Baginda **mengurniakan** [hadiah] kepada pembesar istana itu.

KKT Objek Frasa keterangan

Baginda **mengurniai** [pembesar istana itu] [hadiah].

KKT objek tepat objek sipi

Imbuhan meN-...-kan	Imbuhan meN-...-i
Puan Zu menghidangkan ayam goreng kepada kami.	Puan Zu menghidangi kami ayam goreng.
Sultan Kedah menganugerahkan bintang kehormatan kepada Perdana Menteri.	Sultan Kedah menganugerahi Perdana Menteri bintang kehormatan.
Ketua kampung menghadiahkan basikal kepada murid miskin.	Ketua kampung menghadiahi murid miskin sebuah basikal.

2. Kata kerja meN-...-kan dan meN-...-i dari sudut makna (semantik).

Dari segi **semantik** iaitu makna, perkataan dasar yang bergabung dengan imbuhan meN-...-kan atau meN-...-i juga membawa pengertian **makna yang tidak sama**. Oleh itu, **rumus-rumus yang diterangkan di atas tidak boleh digunakan untuk kata dasar yang tidak sama dari segi makna apabila bergabung dengan imbuhan meN-...-kan dan meN-...-i**. Contoh perkataan-perkataan itu adalah seperti yang berikut ini.

Kata dasar	Imbuhan apitan: meN-...-kan dan meN-...-i
turun	menurunkan – menuruni
masuk	memasukkan – memasuki
serta	menyertakan – menyertai
kahwin	mengahwinkan – mengahwini
jalan	menjalankan – menjalani
naik	menaikkan - menaiki

Contoh ayat:

- Pemandu teksi itu **menurunkan** penumpang di hadapan bangunan itu. (*menyuruh penumpang turun*)
Bas yang sarat dengan penumpang itu **menuruni** jalan yang curam itu dengan lajunya. (*turun melalui jalan yang curam*).
- Ibu **memasukkan** garam secukup rasa ke dalam gulai ayam itu. (*membawa masuk garam, mengisi garam*)
Siti akan **memasuki** acara lumba lari 100 meter. (*mengambil bahagian dalam acara lumba lari*)
- Bapa **menyertakan** wang tunai bersama-sama dengan surat itu. (*mengirimkan wang tunai bersama-sama, mengembarkan wang tunai bersama-sama*)
Murid-murid itu akan **menyertai** acara larian maraton di Kuala Lumpur. (*mengikut serta, mengikuti acara larian*).
- Pak Abu hendak **mengahwinkan** anak perempuannya dengan anak orang kaya itu. (*menjadikan anaknya berkahwin*)
Pak Abu **mengahwini** janda muda itu setelah isterinya meninggal dunia. (*berkahwin dengan janda muda*)
- Para doktor bertungkus lumus **menjalankan** pembedahan itu. (*melaksanakan pembedahan*)
Pak Hassan telah selamat **menjalani** pembedahan jantung di Institut Jantung Negara. (*mengalami atau melalui pembedahan jantung*).
- Ahli Pengakap itu **menaikkan** bendera Malaysia semasa perhimpunan sekolah. (*menjadikan bendera naik*)
Beberapa orang murid berebut-rebut untuk **menaiki** bas yang penuh dengan penumpang itu. (*naik bas*)